



NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025

(1)

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PAKEJ HOTEL
DENGAN PENGINAPAN BAGI KURSUS DALAM ANJURAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI
PROGRAM DI NEGERI KEDAH (ALOR SETAR)
UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN**

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

NOMBOR SEBUT HARGA	:	IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025
TAJUK PEROLEHAN	:	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PAKEJ HOTEL DENGAN PENGINAPAN BAGI KURSUS DALAM ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI PROGRAM DI NEGERI KEDAH (ALOR SETAR) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN
KOD BIDANG	:	222501 (Hotel/Resort (Perlu Lesen PBT Dan Sijil Halal))
TARIKH BUKA	:	21 JULAI 2025 (ISNIN)
TARIKH TUTUP	:	3 OGOS 2025 (AHAD) JAM 12.00 TENGAH HARI

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025

1. Borang sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.ikma.edu.my mulai 21 Julai 2025 (Isnin)
2. Syarikat yang hendak mengikuti perolehan ini perlu mematuhi syarat tersebut:
 - i. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan yang masih tempoh sah laku.
 - ii. Mempunyai Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan yang masih tempoh sah laku (sekiranya ada).
 - iii. Mempunyai Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi kod bidang 222501 yang masih tempoh sah laku.
3. Dokumen sebut harga yang lengkap perlu dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan seperti alamat berikut:

PETI SEBUT HARGA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA
1515 WISMA KGMKB,
JALAN TUNKU IBRAHIM
05000 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Bahagian	No Telefon
Muhammad Akmal Zulhelmi Bin Ismail	Bahagian Pengurusan	04-733 7527

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

No. Sebut Harga IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

.....

No. Telefon:

No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :

.....
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **222501**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan :

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON UTARA

**1515 WISMA KGMB,
JALAN TUNKU IBRAHIM,
05000 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN.**

No. telefon: **04-7337527**

Tarikh: **21 JULAI 2025 (ISNIN)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebut harga.
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **2 TAHUN**.
 - 1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 TENGAH HARI 3 OGOS 2025 (AHAD)**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan:

Tarikh: **21 JULAI 2025 (ISNIN)**

Nama Pegawai: **SHAMSURI BIN SALLEH**

Jawatan: **PENGARAH KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**

SHAMSURI BIN SALLEH

Pengarah Kewangan Dan Pembangunan

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan,

Tel: 03-7984 9176 Fax: 03-7957 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
IKMa/ ZONUTARA/ BIL.03/ 2025	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PAKEJ HOTEL DENGAN PENGINAPAN BAGI KURSUS DALAM ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI PROGRAM DI NEGERI KEDAH (ALOR SETAR) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN				HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDM ATAN (SST)

- (i) Harga yang ditawarkan adalah **harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST)** ; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah **2 Tahun (hari/minggu/bulan)**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:

Penyebut Harga:

Tarikh:..... Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-

SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PAKEJ HOTEL DENGAN PENGINAPAN BAGI KURSUS DALAM ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON UTARA BAGI PROGRAM DI NEGERI KEDAH (ALOR SETAR) UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

SEBUT HARGA: IKMa/ZONUTARA/BIL.03/2025

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili.....(NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau

- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUT HARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAKAN BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (masih tempoh sah laku) (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (masih tempoh sah laku) (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi kod bidang 222501 (masih tempoh sah laku)		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)		
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB (jika berkaitan)		
6.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
7.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
8.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)		
9.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
10.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
11.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (masih tempoh sah laku)		
12.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
13.	Salinan Profail Syarikat		
14.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama :	Nama :
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :
	Tandatangan :
	Nama :
	Jawatan :
	Tarikh :

(5)

SPESIFIKASI

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PAKEJ HOTEL DENGAN
PENGINAPAN BAGI KURSUS DALAM ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa) ZON UTARA BAGI PROGRAM DI NEGERI KEDAH (ALOR SETAR) UNTUK
TEMPOH DUA (2) TAHUN**

KOD BIDANG : 222501 (Hotel/Resort (Perlu Lesen PBT Dan Sijil Halal))

SPESIFIKASI

PAKEJ 1	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik Penginapan (<i>single/twin sharing</i>) • 5 – 50 pax * • Sajian Makanan: Sarapan Pagi (<i>tidak termasuk hari daftar masuk</i>) / Hari * • Anggaran Hari: 2 - 5 Hari
PAKEJ 2	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik Penginapan sahaja • Harga semua jenis bilik yang ditawarkan (dengan sarapan atau tanpa sarapan)

*Perkara di atas tertakluk kepada pindaan

**IKMa Zon Utara mempunyai dewan kuliah bagi penganjuran kursus dan program namun memerlukan Hotel Panel bagi keperluan penginapan peserta kursus dalam di IKMa Zon Utara.

JADUAL TAWARAN HARGA

PAKEJ	PERKARA	HARGA PAKEJ PER/ PAX (RM)
PAKEJ 1	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik Penginapan (<i>single/twin sharing</i>) • 5 – 50 pax * • Sajian Makanan: Sarapan Pagi (<i>tidak termasuk hari daftar masuk</i>) / Hari * • Anggaran Hari: 2 - 5 Hari 	RM /pax/hari
PAKEJ 2	<ul style="list-style-type: none"> • Bilik Penginapan sahaja • Harga semua jenis bilik yang ditawarkan (dengan sarapan atau tanpa sarapan) 	RM /pax/hari

Tambahan:

Pembekal-

- i. Pembekal boleh menerima penambahan bilangan peserta (bilik penginapan) sekiranya ada;
- ii. Terma bayaran yang digunakan adalah secara Pesanan Tempatan (*Local Order*);
- iii. Boleh mengeluarkan nota kredit (*credit note*) dan nota debit (*debit note*) sekiranya terdapat pengurangan atau pertambahan perbelanjaan;
- iv. Pembayaran akan dibuat berdasarkan jumlah peserta yang telah disahkan oleh pihak IKMa Zon Utara;
- v. Menyediakan harga pakej yang dikemuka adalah termasuk cukai yang berkaitan;
- vi. Mempunyai kemudahan katering atau dapur sendiri untuk penyediaan makanan & minuman dan mempunyai sijil halal JAKIM;
- vii. Mempunyai bilik penginapan yang mencukupi;
- viii. Menyediakan kemudahan tempat letak kereta untuk peserta kursus dan sekiranya parking perlu menggunakan kupon, harga per pax hendaklah termasuk dengan kupon parking;
- ix. Menyediakan air mineral atau air minuman di dalam bilik penginapan peserta dan dewan seminar/kursus termasuk pen/pensil, kertas kosong dan gula-gula;
- x. Menyediakan kemudahan skrin LCD, projektor LCD, sistem audio, internet, papan putih, pen marker dan papan tulis (*flip chart*) yang termasuk di dalam pakej tanpa sebarang caj tambahan;
- xi. Mencuci dan mengemaskan (*housekeeping*) bilik penginapan dan dewan kursus/ pada setiap hari menginap;
- xii. melaksanakan proses sanitasi dan disenfeksi setiap sebelum dan selepas daftar masuk peserta;
- xiii. Memahami tempoh lantikan adalah selama dua (2) tahun;
- xiv. Bersetuju dengan surat lantikan akan dikeluarkan oleh IKMa kepada pembekal yang Berjaya; dan
- xv. Jelas bahawa segala keputusan lantikan panel pembekal adalah muktamad tanpa sebarang prejudis.